

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini kes demam denggi yang dilaporkan mengikut negeri. Adakah Kementerian mempunyai kaedah dan alternatif yang lebih efektif dalam menangani isu peningkatan kes demam denggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Peningkatan kes denggi bukan saja berlaku di Malaysia malah pada tahun 2019, peningkatan kes denggi antara satu (1) sehingga lapan (8) kali ganda juga berlaku di kebanyakan Negara lain seperti Singapura, Filipina, Kambodia, Lao PDR, Vietnam, China dan Taiwan.

Sehingga 26 Oktober 2019, jumlah kumulatif kes denggi dilaporkan adalah sebanyak 108,606 kes berbanding 61,254 kes bagi tempoh yang sama tahun 2018, peningkatan sebanyak 77.3% (47,352 kes). Manakala jumlah kumulatif kematian denggi adalah sebanyak 154 kematian berbanding 104 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2018, peningkatan sebanyak 48.1% (50 kes). Enam (6) negeri yang menunjukkan jumlah tertinggi kes adalah Selangor (60,024), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (13,435), Johor (9,194), Kelantan (5,024), Sabah (4,444) dan Pulau Pinang (3,802) manakala sembilan (9) negeri yang lain merekodkan jumlah kes kurang daripada 3,000 kes.

Kementerian Kesihatan mengambil serius tentang isu peningkatan kes Denggi ini. Tindakan bersepadu bagi membanteras peningkatan kes Denggi telah pun dilaksanakan sejak tahun 2014 melalui pelbagai kementerian, jabatan dan agensi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi dan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian dan Peringkat Negeri. Pasukan Petugas Khas Denggi bermesyuarat setiap dua (2) minggu sekali dan menjadikan agenda tetap aktiviti membanteras Denggi sebagai usaha untuk memastikan semua pihak, termasuk masyarakat, melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi mengikut peranan dan bidang kuasa masing-masing.

Antara tindakan bersepadu yang telah dijalankan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam Pasukan Petugas Khas Denggi adalah:

- i. Aktiviti penguatkuasaan bersepadu oleh PBT, KKM, CIDB, NIOSH menerusi Operasi Gempur Aedes bilangan 1.0 yang dilakukan dari bulan Januari hingga Mac 2019 dan Operasi Gempur Aedes bilangan 2.0 dari bulan Julai hingga September 2019. Disamping itu, operasi bersepadu bulanan juga dilakukan secara berkala;
- ii. Aktiviti Gotong-Royong Perangi Aedes dan aktiviti pembersihan persekitaran oleh KPKT (PBT), RELA, PDRM, KPM, PERPADUAN, ATM serta APM yang dilaksanakan bulan Mac dan September 2019;
- iii. Program Patrol Denggi di sekolah dengan penyertaan sebanyak 190 sekolah dan sebanyak 11 penyertaan IPT Bebas Denggi pada tahun 2019 dibawah seliaan KPM. Disamping itu, dilakukan juga pendidikan mengenai denggi melalui lawatan dari rumah ke rumah oleh sukarelawan COMBI beserta edaran bahan pembunuh jentik-jentik;
- iv. KKM juga telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM 3.35 juta untuk 'outsourcing' bagi aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi bagi negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan;

v. KKM juga sedang menggunakan kaedah inovasi kawalan Denggi dengan menggunakan semburan *Outdoor Residual Spraying (ORS)* dilaksanakan di kawasan berstrata hotspot; dan

vi. KKM juga sedang menjalankan inisiatif inovasi kawalan denggi iaitu pelepasan telur nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* bagi menggantikan populasi nyamuk *Aedes* liar yang membawa virus Denggi. Dengan kehadiran bakteria *Wolbachia* dalam nyamuk *Aedes*, ia akan merencatkan perkembangan virus denggi dalam badan nyamuk dan mengurangkan risiko jangkitan virus Denggi kepada manusia lain. Operasi ini dilakukan berikutan keputusan kajian IMR yang dapat mengurangkan 50-70% kes denggi di lokaliti kajian. Fasa pertama operasi ini telah dijalankan di 11 lokaliti lain di Daerah Petaling dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil inovasi ini masih dalam penelitian.

Justeru, untuk mengurangkan kes dan kematian Denggi memerlukan tindakan pencegahan dari semua lapisan termasuk individu, komuniti, agensi lain dan Ahli Parlimen di dewan ini.

Sekian, terima kasih.